

'Wujudkan semula perdagangan negara Islam'

UM - 28/5/2007

KUALA LUMPUR 27 Mei - Menteri Kewangan Kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop hari ini menyeru masyarakat Islam mewujudkan semula perdagangan sesama sendiri sebagai penyelesaian kepada kesukaran yang dihadapi umat Islam.

Menegaskan bahawa majoriti umat Islam hidup dalam kemiskinan walaupun sebilangan negara Islam kaya dengan sumber-sumber alam, beliau berkata, 24 peratus daripada penduduk Islam berpendapatan kurang daripada AS\$1 sehari, 39 peratus hidup di bawah garis kemiskinan dan di 45 negara Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC), penduduknya mempunyai purata pendapatan tahunan kurang daripada AS\$1,000.

Di samping itu, jumlah perdagangan 57 negara anggota OIC kurang daripada 10 peratus keseluruhan perdagangan antarabangsa, meskipun jumlah penduduk negara-negara ini adalah 20 peratus daripada keseluruhan penduduk dunia serta menguasai 60 peratus daripada sumber-sumber asli dunia.

"Perdagangan sentiasa merupakan faktor penyatuan antara negara-negara Islam sejak zaman Khalifah Al-Rasyidin," katanya dalam ucapan penutupnya pada Forum Pemimpin Muda WIEF yang diadakan di sini menjelang Forum Ekonomi Islam Dunia selama dua hari bermula esok.

Nor Mohamed menegaskan, halangan tinggalan penjajah telah menyebabkan negara-negara Islam hari ini berdagang melalui Eropah atau melalui beberapa negara ketiga bukan Islam.

"Pergantungan berterusan negara Islam kepada Barat ini terserlah melalui perdagangan semasa negara OIC yang merupakan hanya 12 peratus keseluruhan perdagangan negara-negara OIC.

Kemakmuran

"Dengan perkataan lain, perdagangan negara-negara OIC dengan negara-negara bukan OIC adalah lapan kali saiz perdagangan sesama negara OIC," kata Nor Mohamed.

Jelasbeliau, jika negara Islam boleh berdagang sesama sendiri tanpa melalui negara Barat, negara-negara OIC boleh meningkatkan jumlah dagangan dengan banyak dan menjana kemakmuran lebih besar sesama sendiri.

"Ini akan mewujudkan satu kitaran hebat. Untuk melangkah daripada perdagangan ke pelaburan dengan mudah. Kita boleh menggunakan kelebihan negara-negara Islam yang lebih kaya untuk membantu negara-negara Islam yang kurang maju melalui pelaburan jangka panjang dan menguntungkan.

Pelaburan ini termasuklah membina jalan raya dan landasan kereta api yang amat penting bagi pertumbuhan dan pembangunan sesebuah negara, katanya.

Menarik perhatian kepada hakikat bahawa negara-negara Islam menguasai lebih 70 peratus rizab terbukti hidrokarbon, Nor Mohamed berkata, negara-negara ini mempunyai lebih modal yang besar, khususnya dengan harga minyak yang melambung pada masa ini, yang boleh digunakan untuk mem-

Pergantungan berterusan negara Islam kepada Barat ini terserlah melalui perdagangan semasa negara OIC yang merupakan hanya 12 peratus keseluruhan perdagangan negara-negara OIC

bantu negara-negara yang menghadapi defisit modal yang tenat.

"Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab kolektif kita untuk mewujudkan saluran bagi pengaliran dana di kalangan negara-negara Islam," tegasnya.

Menurut anggaran konservatif, dana Timur Tengah, kebanyakannya milik orang Islam, bernilai sekurang-kurangnya AS\$1 trilion disimpan di pusat-pusat kewangan Barat seperti New York, London dan Switzerland.

Untuk menguruskan pengaliran modal dari negara yang mengalami lebih kepada negara yang menghadapi defisit, katanya, perlu ada satu sistem kewangan Islam yang berdaya maju supaya para pelabur yakin pelaburan mereka selamat dan menguntungkan.

Objektif mutakhir sistem kewangan Islam

itu, baik di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa, adalah untuk mencipta dan mewujudkan satu sistem ekonomi yang menyokong keadilan ekonomi.

"Kita mempunyai kelebihan daya saingan untuk melakukannya kerana nilai-nilai Islam bertunjangan kebaikan dan keadilan," katanya.

Nor Mohamed juga menyarankan negara-negara Islam melabur dalam pendidikan serta perkhidmatan kesihatan asas kerana ini menawarkan potensi pulangan tertinggi ke atas perbelanjaan untuk pembangunan.

"Sebahagian besar kelemahan umat Islam yang berlarutan ini terletak pada kadar celik huruf dan pencapaian pendidikan yang rendah.

"Ini ternyata menyumbang kepada kegagalan umat Islam menguasai sains dan tekno-

NOR MOHAMED YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua



NOR MOHAMED YAKCOP

logi serta menyukarkan mereka untuk berdaya saing daripada segi ekonomi," ujar beliau.

- Bernama